# INFO Kampus

BULETIN UiTM Sarawak

ISU 60
Julai 2009




"UiTM SARAWAK CELEBRATES SUCCESS AT THE INVENTION, INNOVATION AND DESIGN COMPETITION, 2009" PG. 22

- UiTM Sarawak Conference 2008 PG. 4
- Diploma Show: Pelajar Grafik PG. 34
- UiTM Sarawak At The International Level PG. 40

PG. 7



Majlis Perasmian Masjid Al Qarrawiyyin Oleh YAB Pehin Sri Ketua Menteri

PG. 10



Forum Pasca Pilihan Raya ke 12

# LAWATAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KE UiTM SARAWAK



TERIMALAH...Prof. Madya Dr. Hajah Fatimah Bujang menyampaikan cenderahati kepada Datuk Amar Wilson Baya Dandot selepas mendengar taklimat semasa melakukan lawatan kerja ke Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak di Kampus Samarahan semalam.

SAMARAHAN, Khamis – Universiti Teknologi MARA Sarawak, Kampus Samarahan menerima kunjungan tetamu istimewa apabila Setiausaha Kerajaan Negeri, Y.B Datuk Amar Wilson Baya Dandot dan rombongan melawat universiti pertama di Sarawak.

Beliau dan rombongan yang dalam rangka lawatan kerja ke Bahagian Samarahan selepas mempengerusikan Mesyuarat Pegawai Daerah di Dewan Suarah Kota Samarahan.

Hadir sama rombongan beliau adalah Timbalan Setiausaha Kewangan Negeri, Datu Liaw Soon Eng, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Bahagian Pentadbiran, Keselamatan dan Hal Ehwal Korporat), Pengarah Unit Pengurusan Sumber Manusia, Tuan Haji Sarudu Haji Hoklai yang mewakili Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Bahagian Pengurusan Sumber Manusia), Datu Abdul Ghafur Shariff, Pengarah Unit Keselamatan, Jabatan Ketua Menteri, Datuk Dr. Yusof Nook, Residen Kota Samarahan, Dr. Haji Sulaiman Haji Husaini serta Pegawai-pegawai Daerah dari seluruh negeri Sarawak dan pegawai-pegawai dari Pejabat Ketua Menteri.

Kehadiran beliau dan rombongan ke UiTM Sarawak disambut oleh Timbalan Pengarah Hal Ehwal Akademik, Prof. Madya Dr. Hajah Fatimah Bujang yang mewakili Pengarah Kampus, Prof. Madya Dr. Jamil Haji Hamali. Beliau seterusnya menyampaikan taklimat kepada rombongan tersebut yang mencakupi aspek mengenai kursus-kursus yang ditawarkan, kapasiti sumber manusia, kemasukan dan enrolmen pelajar. Lawatan ke UiTM Sarawak itu merupakan julung kalinya semenjak beliau dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri.

Selain UiTM Sarawak, beliau dan rombongan turut membuat lawatan ke beberapa institusi pengajian tinggi lain seperti Institut Perguruan Tun Abdul Razak (IPTAR), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Institut Latihan Perindustrian (ILP), Kota Samarahan dan International College of Advanced Technology Sarawak (ICATS).

UiTM Sarawak

# ACADEMIC MISSIONS TO BINTULU AND KABONG

UiTM Sarawak Academic Missions to Bintulu and Kabong districts were held from 21 October to 27 October 2008. A team of lecturers was sent to these districts for both events. The warm response from students and teachers of various schools in Bintulu were very encouraging and heart-warming. There were more than twenty Public and Private Universities and relevant Government Agencies participated in the exhibition. The event was well organized. The team then, moved ahead to the next academic mission in Kabong after they left Bintulu.

The next day, there was a big crowd from various villages and longhouses coming to the event. There were more than thirty Government Departments and Agencies took part in the exhibition including both Public and Private Universities.

During the event, it was observed that a very few people visited the exhibition booths. There were no visitors from various schools in Kabong visiting the academic booths.




The event would have been more meaningful if the organizing committee include educational activities such as inviting students from various schools in Kabong and organizing a public speaking competition, et cetera instead of a dancing competition. The team left Kabong and went to Sarikei before heading to Kuching on the next day after both missions in Bintulu and Kabong were accomplished.









Universiti Teknologi MARA Sarawak,
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan.
Peti Surat 1258, 93912 Kuching,
Sarawak, Malaysia.
Tel: 082-677 200    Faks: 082-677 300

http://www.sarawak.uitm.edu.my

UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK